**Perusahaan Otomobil Nasional Sdn Bhd**
(100995-U)
Persiaran Kuala Selangor,
Seksyen 26, 40400 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**T (+603) 5102 6000**
**F (+603) 5191 9120**

# Siaran Akhbar

## PROTON UMUM PESERTA AKHIR BAGI PERTANDINGAN PEMASARAN

- **Sebanyak 12 kumpulan dari pelbagai universiti dan politeknik akan bertanding pada cabaran akhir**
- **Peserta akan membentangkan tugasan akhir kepada barisan pakar pemasaran dan media**

**Subang Jaya, 12 Julai 2019** – PROTON mengumumkan senarai 12 pasukan yang akan bersaing antara satu sama lain pada Pertandingan akhir Kepintaran yang Memberi Inspirasi atau *Intelligence that Inspires Challenge*, satu pertandingan pemasaran yang di ambil dari slogan SUV eksekutif popular segmen C Syarikat iaitu Proton X70. Pertandingan yang akan berlangsung di Pusat Kecemerlangan PROTON (COE) pada 29 Julai 2019, akan menyaksikan kumpulan akhir ini bersaing dengan membentangkan kajian kes pemasaran mereka kepada panel pengadil yang terdiri daripada pengurusan kanan PROTON, pakar dari bidang pemasaran dan barisan media.

**Mempamerkan idea-idea baharu**
Pada peringkat akhir, semua kumpulan dikehendaki melakukan pembentangan, mencipta pelan pemasaran yang mungkin dihadapi oleh para pelajar apabila tamat pengajian dan memasuki dunia pekerjaan. Oleh itu, ia akan menjadi ujian sebenar bukan hanya dari segi pengetahuan pemasaran dan kemahiran pembentangan malahan ujian keupayaan mereka dalam menghadapi tekanan. 12 kumpulan ini terdiri dari semua negeri di Malaysia termasuklah Malaysia Timur dengan semua kos akan ditanggung oleh PROTON untuk hadir ke Pertandingan ini. Mereka adalah:

Politeknik Port Dickson
Politeknik Kota Kinabalu
Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
Universiti Teknologi MARA, Puncak Alam
Universiti Tunku Abdul Rahman, Kampar
Xiamen University Malaysia
Universiti Tunku Abdul Rahman, Sg Long
Tunku Abdul Rahman University College, Kuala Lumpur
Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang
Multimedia University, Melaka
Taylor's University, Lakeside Campus
DRB-HICOM University of Automotive Malaysia, Pekan

Setiap institusi bersaing akan diwakili oleh kumpulan yang terdiri daripada ketua pasukan, ahli pasukan serta seorang pengajar. Hadiah akan diberikan kepada pemenang termasuklah pengajar, yang telah membimbing pelajar untuk bekerja sebagai satu kumpulan dan melengkapkan hasil kerja mereka. Panel pengadil terdiri daripada dua ahli dari pengurusan kanan PROTON, tiga pakar pemasaran dari syarikat perniagaan di Malaysia serta lima ahli media.

Selain akan dinilai berdasarkan kreativiti dan kemahiran perbentangan mereka, para pengadil juga akan mempertimbangkan keaslian idea-idea yang dipersembahkan serta bagaimana mereka dapat menempuh keadaan sebenar kelak. Ini menambah unsur yang menarik dalam pertandingan ini di mana kumpulan-kumpulan ini akan perlu mempertimbangkan praktikaliti idea mereka serta cabaran seperti perbelanjaan, tenaga kerja serta tingkah laku pelanggan.

**PROTON UMUM PESERTA AKHIR BAGI PERTANDINGAN PEMASARAN**

"Di PROTON, kami percaya bahawa pencarian pemimpin perniagaan generasi akan datang adalah penting kerana mereka ini merupakan individu-individu yang akan membantu menguasai ekonomi Malaysia pada masa hadapan. Kami juga ingin memberi peluang kepada graduan dari universiti-universiti Malaysia untuk mempamerkan bakat mereka di peringkat kebangsaan dan menyerlahkan kemahiran yang diajar melalui institusi-institusi ini. Tidak kira sama ada mereka menang atau kalah, Syarikat berharap semua peserta selepas ini akan lebih memahami mengenai apa yang diperlukan untuk menjadi cemerlang di dalam bidang pekerjaan dan semoga mereka ini juga akan menjadi peminat jenama PROTON," kata Dr Li Chunrong, Ketua Pegawai Eksekutif PROTON.

## Diinspirasikan oleh Proton X70

Proton X70 adalah model pertama yang dibangunkan bersama oleh PROTON dan rakan kongsinya iaitu Geely, dan model itu juga merupakan SUV premium pertama yang dibangunkan oleh jenama automotif Malaysia. Ia kini merupakan SUV premium terlaris di Malaysia serta dilengkapi dengan sistem infotainmen pintar yang menggunakan arahan suara dan berkomunikasi di dalam bahasa Inggeris untuk mengakses pelbagai fungsi termasuklah hiburan, navigasi dan fungsi mekanikal.

-Tamat-

**PROTON UMUM PESERTA AKHIR BAGI PERTANDINGAN PEMASARAN**

## Mengenai PROTON

PROTON Holdings Berhad adalah 50.1% milik DRB-HICOM Berhad dan 49.9% oleh Zhejiang Geely Holding Group Co. Ltd. Ditubuhkan pada tahun 1983, ia adalah satu-satunya pengeluar kereta OEM sepenuhnya yang lengkap dengan kemudahan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Asia Tenggara dan telah ditubuhkan dengan tiga objektif dasar kebangsaan utama, iaitu untuk menerajui pembangunan industri pembuatan komponen, untuk memperoleh dan meningkatkan kemahiran teknologi dan perindustrian dalam industri pembuatan otomotif dan untuk mengukuhkan daya saing antarabangsa dalam keupayaan industri Malaysia.

1985 menandakan satu tahun yang hebat dalam sejarah Malaysia apabila kereta nasional pertama negara, Proton Saga, dilancarkan untuk rakyat. Sejak itu, ianya menawarkan ciri yang termasuk kenderaan keluarga empat pintu yang serba boleh dan boleh dipercayai seperti Saga dan Persona, kereta eksekutif bergaya seperti Prevé, eksekutif elegan D-segmen Perdana serta kenderaan pelbagai guna yang luas dan berpatutan seperti Exora dan Ertiga . Terdapat juga Suprima S yang *sporty* anggun yang penuh dengan prestasi dan Iriz yang berani dan bergaya daripada menekankan keselamatan dan merupakan kereta kebangsaan ASEAN 5-Bintang yang paling berpatutan.

PROTON adalah lebih daripada sekadar sebuah syarikat kereta sebagai permulaannya sebagai pemacu utama pembangunan negara telah melihat jenama mempercepatkan proses pembelajaran menerusi pemindahan teknologi dengan perkongsian strategik dan kerjasama teknikal. Tidak syak lagi bahawa ia telah membantu mengembangkan ekonomi Malaysia melalui kemajuan dan kejayaan dalam industri automobil.

Dengan mendengarkan keperluan pelanggan, kereta PROTON kini berada di landasan mencapai misi untuk masa depan, dengan PROTON ditetapkan untuk menjadi sebuah marque yang membina kereta berkualiti dan selamat dengan semangat dan jiwa; kereta yang menyeronokkan untuk pemanduan - dan keselesaan untuk dimiliki. Untuk maklumat lanjut, layari http://www.proton.com.

**Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi:**
**Bahagian Kumpulan Komunikasi Koporat, PROTON**

- Faisal Shah di hp: 019-321 8897 / tel: 03-8026 9389 / faisalshah@proton.com
- Lim Ai Mee di hp: 012-698 9189 / tel: 03-8026 9670 / aimee@proton.com
- Julaiha Jamaldin di hp 011-2885 4300/ tel: 03-8026 9697 / julaiha@proton.com